

Tutup sementara empat stesen monorel

Kuala Lumpur: Empat stesen monorel ditutup sementara untuk kerja pembersihan dan baik pulih susulan insiden pokok tumbang berhampiran Stesen Monorel Bukit Nanas, petang kelmarin.

Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) dalam kenyataan malam kelmarin memaklumkan pihaknya akan melaksanakan perkhidmatan alternatif bagi memastikan kesinambungan perjalanan penumpang bermula pada 6 pagi semalam.

“Empat stesen monorel ditutup kepada orang ramai disebabkan keperluan penutupan bekalan kuasa di landasan bagi memberi laluan kepada kerja pembersihan dan baik pulih.

“Stesen terabit ialah Stesen Monorel Bukit Nanas, Stesen Monorel Raja

Chulan, Stesen Monorel Bukit Bintang dan Stesen Monorel Imbi,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut bagi menyokong perkhidmatan alternatif itu supaya penumpang dapat meneruskan perjalanan, Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) akan menyediakan perkhidmatan bas perantara percuma antara stesen yang terjejas.

Rapid Rail turut menyarankan penumpang yang terkesan akibat gangguan luar jangka itu menggunakan perkhidmatan tren lain sebagai alternatif.

Dalam pada itu, kerja pembersihan dan baik pulih terperinci sedang giat dijalankan oleh Rapid Rail dengan bantuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).